

Headline	Futsal amal		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	27 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Selebriti	Circulation	314,321
Page No	b29	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	291 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,257
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,771



Futsal amal

>>Oleh **SHAKILAWATI ABD RAHMAN**

shakilawati@hmetro.com.my

PERSATUAN Kebajikan Ikatan Ukhuwah yang dipengerusikan pelakon jelita, Zahida Rafik aktif menganjurkan aktiviti amal bagi membantu golongan yang memerlukan. Sebelum ini Ikatan Ukhuwah pernah membantu anak mangsa HIV, anak yatim, ibu tunggal, mangsa dera dan rumah akhlak.

Persatuan ini juga pernah bekerjasama dengan Istana Budaya menjayakan jualan amal Doa Bersamamu Palestin pada 2008, jualan amal di Amcorp Mall dan Pertandingan Poco-Poco di Saloma Bistro.

Selain itu, ia turut terbabit dengan Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia pada 2009 dan 2010 serta terbaru menganjurkan Malam Amal Pesta Muda Mudi di Saloma Bistro, Ahad lalu.

Meneruskan usaha murni mengumpul dana bagi membantu mereka yang tidak bernasib baik, persatuan ini sekali lagi berkolaborasi dengan ramai selebriti terkenal tempatan mengendalikan acara Futsal Amal Ukhwah yang akan berlangsung di Sports Planet Ampang pada 18 Disember depan.

Zahida berkata, sumbangan yang diperoleh menerusi program berkenaan akan digunakan bagi merealisasikan pelaksanaan misi persatuan sepanjang 2012.

"Dana ini akan disalurkan ke program Jom ke Sekolah, tajaan pelajaran anak yatim, memberi ruang kepada remaja bermasalah mendalami kemahiran asas komputer, solekan dan dandanan, asas mekanikal, asas makanan serta kursus jahitan.

"Selain itu, sumbangan ikhlas orang ramai ini juga digunakan untuk membantu mangsa bencana tanah runtuh

Headline	Futsal amal		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	27 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Selebriti	Circulation	314,321
Page No	b29	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	291 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,257
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,771

dan banjir, sumbangan peralatan kerusi roda, rawatan klinik serta hospital kerajaan untuk ibu tunggal, anak yatim dan golongan miskin.

"Ia turut dimanfaatkan untuk bantuan kecemasan kepada ahli berdaftar dan mayat yang tiada waris, ekspedisi ukhawah membabitkan program kemasyarakatan dan kenegaraan

serta program membasmi kemiskinan," katanya.

Sementara itu Naib Pengerusi Ikatan Ukhawah, Izzat Shariff berkata, pertandingan Futsal Amal Ukhwah dibahagikan kepada tiga kategori iaitu rumah anak yatim, lelaki terbuka dan wanita terbuka.

Penganjur mensasarkan

100 pasukan menyertai pertandingan futsal terbuka, termasuk 10 dari rumah anak yatim sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Selain pertandingan futsal terbuka, turut dianjurkan peraduan basikal pixie, jersi kreatif dan kumpulan sorak.

Bagi menghangatkan lagi suasana, aktiviti jualan amal di kawasan meletak

kenderaan lokasi pertandingan turut diadakan, bahkan orang ramai akan dihiburkan dengan persembahan artis jemputan.

"Jika berminat menyertai program berkenaan atau bermurah hati menghulurkan tajaan, bolehlah menghubungi saya di talian 012-2149822," kata Izzat.

